

HONG LEONG BANK SUTERA PLATINUM CREDIT CARD MOBILE WALLETS PROMOTION ([Versi Bahasa Malaysia](#))

PROMOTION PERIOD

The Hong Leong Bank Berhad's (193401000023 (97141-X)) ("**HLB**") "**HLB Sutera Platinum Credit Card Mobile Wallets Promotion**" ("**Promotion**") commences on **18 August 2026** and ends on **30 November 2026**, both dates inclusive ("**Promotion Period**"), unless notified otherwise.

TERMS & CONDITIONS

The following sets out the terms and conditions applicable to the Promotion ("**T&Cs**"):

ELIGIBILITY

1. The Promotion is open exclusively to all new and existing, Malaysian and non-Malaysian, individual principal and/or supplementary HLB Sutera Platinum Credit Cardholders ("**Eligible Cardholders**") holding a valid HLB Sutera Platinum Credit Card ("**Eligible Card**") to participate during the Promotion Period.
2. The following shall **NOT** be eligible for this Promotion:
 - (a) Eligible Cardholders whose Eligible Card is NOT in good standing, inactive, cancelled or who are in breach of any of HLB's Cardholder Agreement, Hong Leong Club Rewards Catalogue terms and conditions and/or the specific Terms and Condition in relation to the Eligible Card at any time during the Promotion Period;
 - (b) Eligible Cardholders who have committed or HLB has reasonable grounds to believe the Eligible Cardholders have committed any fraudulent, unlawful or wrongful acts in relation to any of the facilities granted by HLB and/or Hong Leong Islamic Bank (200501009144 (686191-W)) ("**HLISB**") prior to, during or after the Promotion Period; and
 - (c) Eligible Cardholders who have been declared bankrupt/insolvent (pursuant to a petition either by banks or by any third party) or are subject to any bankruptcy proceedings at any time prior to, during or after the Promotion Period.

PROMOTION MECHANICS

3. The purpose of this Promotion is to reward the Eligible Cardholders with Hong Leong Bank Bonus Reward Points ("**HLB Bonus Reward Points**") as set out in Table 1 below. In order to earn the HLB Bonus Reward Points, Eligible Cardholders must add their Eligible Card to Apple Pay, Google Pay and/or Samsung Pay ("**Mobile Wallets**") and perform contactless transactions using the Mobile Wallets for any of the Eligible Transactions of any amount at the Eligible Merchants listed in Table 1 below during the Promotion Period ("**Qualifying Criteria**").

Table 1: HLB Sutera Platinum Card Mobile Wallets Promotion Mechanics

Eligible Transactions	Eligible Merchant Category Codes (MCC), Eligible Merchants and/or Transactions	HLB Bonus Reward Points (per RM1 spent)	Capping
Dining	MCC: 5811/5812/5814 – All dining outlets. Examples of merchants: Serai, McDonald's, Secret Recipe etc.	10X	Unlimited HLB Bonus Reward Points
Groceries, Pharmacies, & Essentials	MCC: 5411 – All grocery stores including Giant, Cold Storage, Jaya Grocer, Mercato, etc. MCC: 5912 – All drug stores and pharmacies including Guardian, Watsons, Caring Pharmacy, etc. Selected convenience stores – MyNews and 7Eleven.	10X	
Overseas Spend	Any non-MYR retail spend, regardless of location.	12X	
Others	All other Eligible Transactions	2X	

- (a) For example, Table 2 below illustrates how the HLB Bonus Reward Points are calculated for this Promotion

Table 2

Eligible Transactions	Transaction Amount (RM)	HLB Bonus Reward Points Earned
Dining (eg: Secret Recipe)	50.00	RM50 x 10X = 500 HLB Bonus Reward Points
Groceries (eg: Jaya Grocer)	120.00	RM120 x 10X = 1,200 HLB Bonus Reward Points
Pharmacies (eg: Guardian)	100.00	RM100 x 10X = 1,000 HLB Bonus Reward Points
Overseas Spend	450.00	RM450 x 12X = 5,400 HLB Bonus Reward Points
Others (eg: Petrol)	60.00	RM60 x 2X = 120 HLB Bonus Reward Points
Total	780.00	8,220 HLB Bonus Reward Points

- (b) Notwithstanding the above, the following transactions **do not** qualify as Eligible Transactions in this Promotion:
- (i) Government related transactions;
 - (ii) card protection plan;
 - (iii) refunded, disputed, unsuccessful, reversed, unauthorised, fraudulent or unlawful transactions and

- (iv) Online transactions with the following merchants including but not limited to Lazada, Shopee, Grab, Foodpanda, Touch N Go, MYEG, Spotify, Netflix, iTunes, Golden Screen Cinema ("**GSC**") Website and GSC Mobile App.
- 4. For the avoidance of doubt, the fulfilment of the Qualifying Criteria for all the Eligible Transactions set out in Table 1 above during the Promotion Period shall be determined based on the posting date of the transaction as recorded by HLB, and not the transaction date.
- 5. The assignment of MCC for each Eligible Merchant is subject to classification by the respective Eligible Merchants' acquiring banks ("**Merchant Acquiring Bank**") based on their discretion and it is the responsibility of the relevant Merchant Acquiring Bank to assign the correct MCC and MCC description. Save for damages arising directly from HLB's wilful default and gross negligence, HLB shall not be liable for any non-entitlement of HLB Bonus Reward Points where such non-entitlement is caused by the Merchant Acquiring Bank or circumstances beyond HLB's reasonable control.
- 6. All HLB Bonus Reward Points issuance and redemption are subject to Hong Leong Club Rewards Catalogue Terms and Conditions which are made available at www.hlb.com.my/rewards.

GENERAL

- 7. By participating in the Promotion, the Eligible Cardholders agree:
 - (a) that they have read, understood and agreed to be bound by the T&Cs herein, the HLB's Cardholder Agreement and the specific terms and conditions applicable to the Eligible Card available on HLB's website at www.hlb.com.my/suteracard and Hong Leong Club Rewards Catalogue terms and conditions.
 - (b) that HLB's decision on all matters relating to the Promotion shall be final, conclusive and binding on all the Eligible Cardholders;
 - (c) to access HLB's website at www.hlb.com.my ("**HLB's Website**") at regular intervals to view the T&Cs of the Promotion and to ensure they keep up to date with any changes or variations to the T&Cs;
 - (d) to provide their latest and accurate contact details (i.e. mobile number and correspondence/email addresses) to HLB. HLB shall not be held responsible/liable in the event HLB is unable to contact any Eligible Cardholder due to an inaccurate/invalid/outdated mobile number and/or correspondence/email address provided by the Eligible Cardholder or in the event an SMS is unable to be delivered due to any reason whatsoever;
 - (e) to ensure that all the approved Eligible Cards are valid, active and in good standing and that the Eligible Cardholders shall not be in breach of any of the T&Cs of the Promotion, the HLB's Cardholder Agreement, Hong Leong Club Rewards Catalogue terms and conditions and/or the specific terms and conditions of the Eligible Card throughout the Promotion Period.
- 8. HLB reserves the right to add, delete, suspend or amend the T&Cs herein, wholly or in part, or to terminate the Promotion with prior notice to the Eligible Cardholders by way of posting on HLB's Website or by any other methods which HLB deems practical; and

9. HLB shall not be liable and responsible for any failure or delay in the submission and/or processing of any sales transaction by VISA, Mastercard International, Merchant establishments, postal service providers or any party, which may result in any Eligible Cardholder being omitted from the Promotion.
10. In addition to the terms stipulated above, the Eligible Cardholders agree that the HLB's Cardholder Agreement, Hong Leong Club Rewards Catalogue terms and conditions and the specific terms and conditions in relation to the Eligible Card shall be read together with the T&Cs herein. In the event of any discrepancies between these T&Cs and the HLB's Cardholder Agreement, Hong Leong Club Rewards Catalogue terms and conditions and/or the specific terms and conditions in relation to the Eligible Card, the specific T&Cs herein shall prevail to the extent of such discrepancies in respect of the Promotion.
11. In the event of any discrepancies between these T&Cs as compared to the advertising, promotional, publicity and other materials relating to or in connection with the Promotion, the final T&Cs of this Promotion on HLB's Website shall prevail.
12. The T&Cs herein shall be governed by and construed in accordance with the laws of Malaysia and the Eligible Cardholders agree to submit to the exclusive jurisdiction of the Courts of Malaysia.
13. Words denoting one gender include all other genders and words denoting the singular include the plural and vice versa.

If you have any enquiries regarding these T&Cs, you may seek clarification from our staff who attended to you. Alternatively, please email us at hlonline@hlbb.hongleong.com.my.

PROMOSI *MOBILE WALLET* KAD KREDIT HONG LEONG BANK SUTERA PLATINUM ([English Version](#))

TEMPOH PROMOSI

"Promosi *Mobile Wallet* Kad Kredit HLB Sutera Platinum" ("**Promosi**") oleh Hong Leong Bank Berhad (193401000023 (97141-X)) ("**HLB**") bermula pada **18 Ogos 2026** dan berakhir pada **30 November 2026**, merangkumi kedua-dua tarikh tersebut ("**Tempoh Promosi**"), melainkan dimaklumkan sebaliknya.

TERMA & SYARAT

Berikut menetapkan terma dan syarat yang terpakai untuk Promosi ("**T&S**"):

KELAYAKAN

1. Promosi ini dibuka secara eksklusif kepada semua Pemegang Kad Kredit HLB Sutera Platinum prinsipal dan/atau tambahan individu yang baharu dan sedia ada, warganegara Malaysia dan bukan warganegara Malaysia ("**Pemegang Kad Layak**") yang memegang Kad Kredit HLB Sutera Platinum yang sah ("**Kad Layak**") untuk menyertai sepanjang Tempoh Promosi.
2. Individu berikut **TIDAK** layak untuk Promosi ini:
 - (a) Pemegang Kad Layak yang mana Kad Layak mereka TIDAK berstatus baik, tidak aktif, dibatalkan atau yang melanggar mana-mana Perjanjian Pemegang Kad HLB, terma dan syarat Katalog Ganjaran Hong Leong Club dan/atau Terma dan Syarat khusus berkaitan Kad Layak pada bila-bila masa semasa Tempoh Promosi;
 - (b) Pemegang Kad Layak yang telah melakukan atau HLB mempunyai alasan munasabah untuk mempercayai bahawa Pemegang Kad Layak telah melakukan sebarang perbuatan penipuan, menyalahi undang-undang atau salah laku berkaitan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh HLB dan/atau Hong Leong Islamic Bank (200501009144 (686191-W)) ("**HLISB**") sebelum, semasa atau selepas Tempoh Promosi; dan
 - (c) Pemegang Kad Layak yang telah diisytiharkan muflis/tidak solven (menurut petisyen sama ada oleh bank atau mana-mana pihak ketiga) atau tertakluk kepada sebarang prosiding kebangkrutan pada bila-bila masa sebelum, semasa atau selepas Tempoh Promosi.

MEKANIK PROMOSI

3. Tujuan Promosi ini adalah untuk memberi ganjaran kepada Pemegang Kad Layak dengan *Hong Leong Bank Bonus Reward Point* ("**HLB Bonus Reward Point**") seperti yang ditetapkan dalam Jadual 1 di bawah. Untuk memperoleh *Enrich Point* Bonus HLB, Pemegang Kad Layak mesti menambah Kad Layak mereka ke dalam *Apple Pay*, *Google Pay* dan/atau *Samsung Pay* ("**Mobile Wallet**") dan melakukan transaksi tanpa sentuh menggunakan *Mobile Wallet* untuk mana-mana Transaksi Layak dalam apa jua amaun di Pedagang Layak yang disenaraikan dalam Jadual 1 di bawah semasa Tempoh Promosi ("**Kriteria Kelayakan**").

Jadual 1: Mekanik Promosi *Mobile Wallet* Kad Sutera Platinum HLB

Transaksi Layak	Kod Kategori Pedagang Layak (MCC), Pedagang Layak dan/atau Transaksi	HLB Bonus Reward Point (setiap RM1 dibelanjakan)	Had Maksimum
Jamu Selera	MCC: 5811/5812/5814 – Semua cawangan tempat makan. Contoh pedagang: Serai, McDonald's, Secret Recipe dll.	10X	HLB Bonus Reward Points Tanpa Had
Barangan Runcit, Farmasi, & Keperluan Asas	MCC: 5411 – Semua kedai runcit termasuk Giant, Cold Storage, Jaya Grocer, Mercato, dll. MCC: 5912 – Semua kedai ubat dan farmasi termasuk Guardian, Watsons, Caring Pharmacy, dll. Kedai serbaneka terpilih – MyNews dan 7Eleven.	10X	
Perbelanjaan Luar Negara	Sebarang perbelanjaan runcit bukan MYR, tanpa mengira lokasi.	12X	
Lain-lain	Semua Transaksi Layak yang lain	2X	

- (a) Sebagai contoh, Jadual 2 di bawah menggambarkan *HLB Bonus Reward Points* dikira untuk Promosi ini:

Jadual 2

Transaksi Layak	Amaun Transaksi (RM)	HLB Bonus Reward Points Diperoleh
Jamu Selera (Cth: Secret Recipe)	50.00	RM50 x 10X = 500 <i>HLB Bonus Reward Points</i>
Barangan Runcit (cth: Jaya Grocer)	120.00	RM120 x 10X = 1,200 <i>HLB Bonus Reward Points</i>
Farmasi (cth: Guardian)	100.00	RM100 x 10X = 1,000 <i>HLB Bonus Reward Points</i>
Perbelanjaan Luar Negara	450.00	RM450 x 12X = 5,400 <i>HLB Bonus Reward Points</i>
Lain-lain (cth: Petrol)	60.00	RM60 x 2X = 120 <i>HLB Bonus Reward Points</i>
Total	780.00	8,220 <i>HLB Bonus Reward Points</i>

- (b) Walau apa pun perkara di atas, transaksi berikut tidak layak sebagai Transaksi Layak dalam Promosi ini:
- (i) Transaksi berkaitan kerajaan;
 - (ii) Pelan perlindungan kad;

- (iii) Transaksi yang dikembalikan wang, dipertikaikan, tidak berjaya, ditarik balik, tidak dibenarkan, berunsur penipuan atau menyalahi undang-undang; dan
 - (iv) Transaksi dalam talian dengan pedagang berikut termasuk tetapi tidak terhad kepada Lazada, Shopee, Grab, Foodpanda, Touch N Go, MYEG, Spotify, Netflix, iTunes, Laman Web Golden Screen Cinema ("**GSC**") dan Aplikasi Mudah Alih GSC.
4. Bagi mengelakkan keraguan, pemenuhan Kriteria Kelayakan untuk semua Transaksi Layak yang ditetapkan dalam Jadual 1 di atas semasa Tempoh Promosi akan ditentukan berdasarkan tarikh pengeposan transaksi seperti yang direkodkan oleh HLB, dan bukannya tarikh transaksi.
5. Penguntukan MCC untuk setiap Pedagang Layak adalah tertakluk kepada klasifikasi oleh bank pemeroleh Pedagang Layak masing-masing ("**Bank Pemeroleh Pedagang**") berdasarkan budi bicara mereka dan adalah menjadi tanggungjawab Bank Pemeroleh Pedagang yang berkenaan untuk menguntukkan MCC dan deskripsi MCC yang betul. Kecuali ganti rugi yang timbul secara langsung daripada keingkaran sengaja dan kecuai kasar HLB, HLB tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang ketidaklayakan *HLB Bonus Reward Points* di mana ketidaklayakan tersebut disebabkan oleh Bank Pemeroleh Pedagang atau keadaan di luar kawalan munasabah HLB.
6. Semua pengeluaran dan penebusan *HLB Bonus Reward Points* adalah tertakluk kepada Terma dan Syarat Katalog Ganjaran Hong Leong Club yang boleh didapati di www.hlb.com.my/rewards.

UMUM

7. Dengan menyertai Promosi ini, Pemegang Kad Layak bersetuju:
- (a) bahawa mereka telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan T&S di sini, Perjanjian Pemegang Kad HLB dan terma dan syarat khusus yang terpakai untuk Kad Layak yang boleh didapati di laman web HLB di www.hlb.com.my/suteracard dan terma dan syarat Katalog Ganjaran Hong Leong Club.
 - (b) bahawa keputusan HLB mengenai semua perkara berkaitan Promosi adalah muktamad, konklusif dan mengikat ke atas semua Pemegang Kad Layak;
 - (c) untuk mengakses laman web HLB di www.hlb.com.my ("**Laman Web HLB**") pada selang masa yang kerap untuk melihat T&S Promosi dan untuk memastikan mereka sentiasa mendapat maklumat terkini dengan sebarang perubahan atau variasi pada T&S;
 - (d) untuk memberikan butiran perhubungan terkini dan tepat mereka (iaitu nombor mudah alih dan alamat surat-menyurat/e-mel) kepada HLB. HLB tidak akan dipertanggungjawabkan dalam keadaan HLB tidak dapat menghubungi mana-mana Pemegang Kad Layak disebabkan oleh nombor mudah alih dan/atau alamat surat-menyurat/e-mel yang tidak tepat/tidak sah/lapuk yang diberikan oleh Pemegang Kad Layak atau sekiranya SMS tidak dapat dihantar atas apa jua sebab sekalipun;
 - (e) untuk memastikan bahawa semua Kad Layak yang diluluskan adalah sah, aktif dan berstatus baik serta Pemegang Kad Layak tidak akan melanggar mana-mana T&S Promosi, Perjanjian Pemegang Kad HLB, terma dan syarat Katalog Ganjaran

Hong Leong Club dan/atau terma dan syarat khusus Kad Layak sepanjang Tempoh Promosi.

8. HLB berhak untuk menambah, memadam, menggantung atau meminda T&S di sini, secara keseluruhan atau sebahagian, atau menamatkan Promosi dengan notis terlebih dahulu kepada Pemegang Kad Layak melalui siaran di Laman Web HLB atau melalui sebarang kaedah lain yang dianggap praktikal oleh HLB; dan
9. HLB tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kegagalan atau kelewatan dalam penyerahan dan/atau pemprosesan mana-mana transaksi jualan oleh VISA, Mastercard International, pertubuhan Pedagang, penyedia perkhidmatan pos atau mana-mana pihak, yang mungkin mengakibatkan mana-mana Pemegang Kad Layak tercicir daripada Promosi.
10. Sebagai tambahan kepada terma yang dinyatakan di atas, Pemegang Kad Layak bersetuju bahawa Perjanjian Pemegang Kad HLB, terma dan syarat Katalog Ganjaran Hong Leong Club dan terma dan syarat khusus berkaitan Kad Layak hendaklah dibaca bersama-sama dengan T&S di sini. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara T&S ini dengan Perjanjian Pemegang Kad HLB, terma dan syarat Katalog Ganjaran Hong Leong Club dan/atau terma dan syarat khusus berkaitan Kad Layak, T&S khusus di sini akan diguna pakai setakat percanggahan tersebut berkenaan dengan Promosi.
11. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara T&S ini berbanding dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain yang berkaitan dengan atau berhubung dengan Promosi, T&S akhir Promosi ini di Laman Web HLB akan diguna pakai.
12. T&S di sini akan dikawal selia oleh dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pemegang Kad Layak bersetuju untuk tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
13. Perkataan yang merujuk kepada satu jantina merangkumi semua jantina lain dan perkataan yang merujuk kepada bilangan tunggal merangkumi bilangan jamak dan sebaliknya.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai T&S ini, anda boleh mendapatkan penjelasan daripada kakitangan kami yang melayani anda. Sebagai alternatif, sila e-mel kepada kami di hlonline@hlbb.hongleong.com.my.